



IDEALOGY

JOURNAL

Editor-in-Chief

Ishak Ramli

Assoc. Prof. Dr Muhammad Abdul Aziz Ab Gani

Managing Editor

Nurul Shima Taharudin

Muhammad Redza Rosman

Haslinda Md Nazri

Mohamad Hafiz Yahaya

Nizar Nazrin

Editor

Professor Dr Shahrizan Zainal Abidin

Dr Sheikh Mehedi Hasan

Professor Dr Anis Sujana

Professor Dr Tjeptjep Rohendi Rohidi

Assoc. Prof. Dr Sophiya Umar

Asst. Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea

IDEALOGY JOURNAL

Volume 7, Issue 2, 2022
Published: 1 September 2022

Published by:
©UiTM Press

e-ISSN 2550-214X



**MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI, ISHAK RAMLI
MOHAMMAD HAFIZ YAHAYA, NURUL SHIMA TAHARUDDIN
HASLINDA MD NAZRI, MUHAMMAD REDZA ROSMAN
NIZAR NAZRIN**

TABLE OF CONTENTS

EDITORIAL	
Idealogy Journal Information	III
Editorial and Review Board	IV
Kelangsungan Perbincangan Berkaitan Kesenian dan Reka Bentuk: Mukadimah	V-VI
<i>Continuation of Discussions Related to Arts and Design: Preface</i> <i>Muhamad Abdul Aziz Ab Gani; Ishak Ramli</i>	
Arts and Design Discourse in Idealogy Journal: Foreword	VII
<i>Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli, Mohammad Hafiz Yahaya, Nurul Shima Taharuddin, Haslinda Md Nazri, Muhammad Redza Rosman, Nizar Nazrin</i>	
ORIGINAL ARTICLE	
The Psychology of Grey in Painting Backgrounds	1-7
<i>Aimi Atikah Roslan, Nurul Shima Taharuddin, Nizar Nazrin</i>	
Emotional Design for Children's Food Packaging	8-24
<i>Wang Haiying, Muhamad Abdul Aziz Ab. Gani</i>	
Virtual Art Gallery Tour: Understanding the Curatorial Approach	25-34
<i>Nur Muhammad Amin Hashim Amir, Hilal Mazlan, Aznan Omar</i>	
Hingar-Bingar Pasar Pengalaman (2004): Satu Kritikan Dalam Memahami Diri T. Alias Taib	35-49
<i>Hingar-Bingar Pasar Pengalaman (2004): A Critique in Understanding T. Alias Taib Himself</i> <i>Nur Nafishah Azmi, Ibrahim Jamaluddin</i>	
A Study on Children Customary Clothes in Malay Head Shaving - Cukur Jambul Ceremony for The Malay Royal Tradition	50-58
<i>Nor Idayu Ibrahim, Muhammad Salehuddin Zakaria, Nasaie Zainuddin, Muhammad Hisyam Zakaria</i>	
Modifikasi Interaksi Fisik dalam Pameran Virtual	59-67
<i>Modifying Physical Interaction in Virtual Exhibition</i> <i>Rani Aryani Widjono, Shania Geraldine</i>	
Digital Illustration as Visual Communication to Promote Kelantan Cultural Heritage	68-75
<i>Roziani Mat Nashir@Mohd Nasir, Ghazali Daimin</i>	
Preliminary Study of Supermarket's Mobile Application Needs for Indonesian Shopper	76-84
<i>Shania Jiehan Geraldine, Dianing Ratri</i>	
Membangunkan Fitur Reka Bentuk dan Susun Atur Poster Kesedaran Dengan Gabungan Emoji	85-97
<i>Developing the Design Features and Layout with Combination of Emoji on Awareness Poster</i> <i>Noorlida Daud, Ahmad Zamzuri Mohd Ali</i>	
Kronologi Representasi Wanita Dalam Catan Di Malaysia: Dari 1930 Hingga 2020	98-105
<i>Chronology of Women Representation in Malaysian Painting: from 1930 to 2020</i> <i>Nurul Syifa @ Siti Aishah Ahmarofi, Elis Syuhaila Mokhtar, Issarezal Ismail, Ida Puteri Mahsan</i>	
REVIEW ARTICLE	
Cosmology in Contemporary Public Sculpture	106-118
<i>Mahizan Hijaz Mohammad, Aznan Omar, Mohamad Khairi Baharom, Nur Muhammad Amin Hashim Amir, Hilal Mazlan</i>	
Fahaman Salafi Jihad Dan Ancamannya Dalam Masyarakat Malaysia Semasa: Satu Pengenalan	119-130
<i>Salafi Understanding of Jihad and Its Threat in Current Malaysian Society: An Introduction</i> <i>Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Siti Maimunah Kahal</i>	
Gambus Johor Sustainability: Issues and Challenges	131-138
<i>Siti Nur Shahirah Hussin, Tazul Izan Tajuddin</i>	
Promoting The Forgotten Local tales of Terengganu "Tujuh Puteri" in digital Interactive Comic Book for Teenager	139-145
<i>Wan Nurfathiyah Binti Wan Abdul Hamid, Ahmad Sofiyuddin Mohd Shuib</i>	

ARTWORK APPRECIATION ARTICLE

Tujuan dan Fungsi dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu 146-153

Purpose and Function in The Context of Folk Literature and Malay Joke Stories

Hazrul Mazran Rusli, Muhammad Abdullah

IDEALOGY JOURNAL INFORMATION

INTRODUCTION

Idealogy Journal is a biannual journal, published by UiTM Press, Universiti Teknologi MARA, MALAYSIA. IDEALOGY is a combination of the words IDEA and LOGY whereby the word IDEA refers to any activity or action that can lead to change. On the other hand, the word LOGY refers to the understanding towards a certain group or thought, that is often related to the creation of the idea itself. So, IDEALOGY is a platform for those who have ideas to share in journal form. The IDEALOGY Journal is spearheaded by the Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA (Perak), however the scope and theme applied were broadened to cover Arts & Social Science. This journal is purely academic and peer reviewed (double-blind review) platform. It caters to original articles, review paper, artwork review and appreciation, exhibition review and appreciation, and book reviews on diverse topics relating to arts, design, and social science. This journal is intended to provide an avenue for researchers and academics from all persuasions and traditions to share and discuss differing views, new ideas, theories, research outcomes, and socio-cultural and socio-political issues that impact on the philosophical growth in the contemporary events.

VISION

To elevate the standard of Academic writing, especially for ASEAN countries to be recognized in the eyes of the world

MISSION

To produce academia with world recognized writing quality
To combine with selected ASEAN countries in producing academic articles

PUBLICATION HISTORY

Published various field of arts and social sciences' studies since 2016 onwards.

PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) issues per year (April and September)

e-ISSN

2550-214X

COPYRIGHT NOTICE

UiTM Press (The Publisher) has agreed to publish the undersigned author's paper in Idealogy Journal. the agreement is contingent upon the fulfilment of a number of requirements listed below.

1. The undersigned author warrants that the paper entitled below is original, that it is not in any way libellous or unlawful in malaysia, that it does not infringe any copyright or other proprietary right. The undersigned hereby represents and warrants that he/she is the author of the paper, except for material that is clearly identified as to its original source, with permission notices from the copyright owners where required. The undersigned represents that he/she has the power and authority to sign and execute this agreement.
2. The undersigned author warrants that the paper entitled below has not been published elsewhere, and also it will not be submitted anywhere else for publication prior to acceptance/rejection by this journal.
3. By submitting the paper entitled below, the undersigned author agrees to transfer the rights to publish and distribute the paper in an international e-journal (entitled above) to publisher.
4. The undersigned author agrees to make a reasonable effort to conform to publisher's submission guidelines and to liaise with the editor to ensure that the requirements of these guidelines are met to a reasonable degree.
5. The corresponding author signs for and accepts responsibility for releasing this material on behalf of any and all coauthors. This agreement is to be signed by at least one of the authors who has obtained the assent of the co-author(s) where applicable. After submission of this agreement signed by the corresponding author, changes of authorship or in the order of the authors listed will not be accepted.

COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution – Non Commercial – No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way. This journal also followed to the principles of The Committee On Publication Ethics (COPE) www.publicationethics.org

REPRINTS AND PERMISSIONS

All research articles published in Idealogy Journal are made available and publicly accessible via the internet without any restrictions or payment to be made by the user. Pdf versions of all research articles are available freely for download by any reader who intent to download it.

DISCLAIMER

The authors, editors, and publisher will not accept any legal responsibility for any errors or omissions that may have been made in this publication. The publisher makes no warranty, express or implied, with respect to the material contained herein.

EDITORIAL AND REVIEWER TEAM

JOURNAL ADVISOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid *AMP PMP*
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITOR

Ishak Ramli
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Associate Professor Dr Muhamad Abdul Aziz Ab Gani
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

MANAGING EDITOR

Article Refereeing Process & Authenticity
Nurul Shima Taharudin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Digital Object Identifier (DOI), OJS & Archiving
Nizar Nazrin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Format & Copyediting
Muhammad Redza Rosman
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Visibility & Promotion
Mohamad Hafiz Yahaya
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Record for Acquisition, Refereeing Process, & Notification
Haslinda Md Nazri
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITOR

Malaysia
Professor Dr Shahriman Zainal Abidin
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Indonesia
Professor Dr Tjeptjep Rohendi Rohidi
(Universitas Dian Nuswantoro, Semarang, Indonesia)

Bangladesh
Dr Sheikh Mehedi Hasan
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

Pakistan
Associate Professor Dr Sophiya Umar
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Indonesia
Professor Dr Anis Sujana
(Institut Seni Budaya, Indonesia)

Saudi Arabia
Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea
(Effat University, Saudi Arabia)

PANEL OF REVIEWERS

MALAYSIA

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Associate Professor Dr Rusmadiyah Anwar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Associate Professor Dr Azhar Jamil
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Mohd Khairi Baharom
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Nagib Padil
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Hanafi Hj Mohd Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Shahrel Nizar Baharom
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Aznan Omar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Hamidi Abdul Hadi
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Zainuddin Md Nor
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Verly Veto Vermol
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Zahirah Haron
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Saiful Akram Che Cob
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Ishak Ramli
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Nurul Shima Taharuddin
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

INDONESIA

Professor Dr Anis Sujana
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Dr Andang Iskandar
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Dr Husein Hendriyana
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Dr Supriatna
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Dr Pandu Purwandaru
(Universitas 11 Maret, Indonesia)
Dr M. Zaini Alif
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Drs Deden Maulana, M.Ds
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Toufiq Panji Wisesa, S.Ds., M.Sn
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Drs Syaiful Halim., M.I.Kom
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Ratno Suprpto., M.Ds
(Universitas Pembangunan Jaya Indonesia)

SAUDI ARABIA

Asst. Professor Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea
(Effat University, Saudi Arabia)

Asst. Professor Dr. Mueen Uddin
(Effat University, Saudi Arabia)

Asst. Professor Dr. Shajid Khalifa
(Effat University, Saudi Arabia)

BANGLADESH

Mr Al-Monjur Elahi
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

Dr Sidhartha Dey
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

Dr Sheikh Mehedi
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

PAKISTAN

Associate Professor Dr Sophiya Umar
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Masood Akhtar
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Shah Zaib Raza
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

PHILIPPINES

Jeconiah Louis Dreisbach
(De La Salle University, Philippines)

Membangunkan Fitur Reka Bentuk dan Susun Atur Poster Kesedaran Dengan Gabungan Emoji

Developing the Design Features and Layout with Combination of Emoji on Awareness Poster

Noorlida Daud¹, *Ahmad Zamzuri Mohd Ali²

¹College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Kelantan Branch, Machang Campus,
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

²Faculty of Art, Computing & Creative Industry, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Institutional e-mail: noor9164@uitm.edu.my¹, *zamzuri@fskik.upsi.edu.my²

*Corresponding author

Received: 6 August 2022, Accepted: 16 August 2022, Published: 1 September 2022

ABSTRAK

Poster kesedaran dengan gabungan emoji telah digunakan secara meluas dalam menyampaikan mesej yang berbentuk khidmat masyarakat atau lebih dikenali sebagai Public Service Announcement (PSA). Ia merupakan salah satu alternatif yang sering digunakan bagi menyampaikan mesej atau pesanan kepada masyarakat. Mesej melalui medium poster sebegini dapat disebar dengan meluas samaada secara bercetak atau secara digital. Oleh itu, terdapat pelbagai susun atur poster yang dihasilkan mengikut cita rasa masing-masing tanpa mengikut spesifikasi yang sepatutnya. Kajian ini akan mengenalpasti apakah fitur-fitur reka bentuk susun atur yang bersesuaian, lebih mudah dibaca serta menarik minat pembaca. Kajian ini menggunakan kaedah metodologi yang berasaskan rujukan literatur, oleh itu data yang dikumpulkan adalah melalui pelbagai sumber literatur dan temu bual bersama pakar rujuk.

Kata Kunci: *Emoji, Poster, Public Service Announcement (PSA), Susun atur.*

ABSTRACT

Awareness's posters with emoji combination are widely used in conveying the Public Service Announcement (PSA) messages. This type of alternative is frequently used to convey messages to society. The messages in the posters could be spread widely no matter in printed form or digital form. Consequently, various of poster's layout were produced out there according to designer's taste and yet not adapting the suit specification such as elements and principles in graphic. Therefore, this research will identify the suitable features design in producing the friendly poster's layout, readable poster's layout and layout that easily attract reader's attention. This research uses literature-based methodology and the data are collected from various literatures as well as through experts.

Keywords: *Emoji, Poster, Public Service Announcement (PSA), Layout.*



eISSN: 2550-214X © 2022. The Authors. Published for Idealogy Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Emoji merupakan ikon yang menggambarkan emosi serta fikiran seseorang, ia menambahbaik komunikasi teks yang tidak berupaya untuk menggambarkan ekspresi emosi dengan tepat (Golden, 2015). Jika diperhatikan, terdapat banyak poster yang menggabungkan reka bentuk emoji dengan pelbagai ekspresi emosi dalam menyampaikan mesej. Ini secara tidak langsung menjadikan emoji sebagai salah satu medium baharu dalam membantu komunikasi secara tidak bersemuka (Lu et.al, 2016). Emoji juga memberi kesan yang sama seperti mana seseorang melihat ekspresi wajah manusia sebenar (Churches et.al, 2014), oleh itu menggabungkan poster yang berbentuk kesedaran dengan reka bentuk emoji adalah merupakan alternatif yang berupaya menjelaskan mesej di samping memberi kesan dari segi emosi. Terdapat banyak susun atur poster dengan pelbagai fitur reka bentuk yang dihasilkan, berikut merupakan beberapa contoh reka bentuk poster yang menggabungkan ekspresi emoji.



Gambar 1. Poster penjarakan sosial pandemik Covid 19
(Sumber: <https://www.pinterest.com/pin/460844974373849648/>)





Gambar 2. Poster kesedaran kesihatan mental di tempat kerja
(Sumber: <https://www.creativesafetysupply.com/how-to-stay-mentally-healthy-at-work-emoji-poster/>)


1.1 Pemilihan Orientasi Ruang Poster Kesedaran

Terdapat beberapa aspek yang perlu dipertimbangkan dalam membangunkan sesebuah poster agar ia menarik perhatian dan reka bentuknya membantu menyampaikan mesej dengan mudah kepada masyarakat. Daripada segi orientasi paparan poster, orientasi potret menegak adalah lebih praktikal untuk dibaca membanding orientasi lanskap. Jadual 1 menunjukkan dua jenis pembahagian ruang yang seharusnya dielakkan iaitu i) segi empat sama yang mana ia kelihatan kurang menarik dan ii) orientasi potret yang terlalu panjang yang mana ia kelihatan kurang menyenangkan kerana nisbah kelebaran dan kepanjangannya kurang sesuai (Silver, 1981).

Bagi memberi impak yang berkesan terhadap paparan reka bentuk, beberapa panduan pembahagian ruang boleh dapat digunakan. Antara kaedah perkadaran saiz yang sering digunakan ialah *two by three* atau *Regular Oblong* seperti Rajah 1. Ruang pada perkadaran saiz seperti ini mempunyai nisbah dua pada kelebaran dan tiga pada ketinggian. Selain *Regular Oblong*, perkadaran lain yang sering digunakan iaitu *Golden Oblong*.

Jadual 1: Contoh pemilihan ruang yang kurang sesuai. Sumber: Silver (1981)


Orientasi ruang	Paparan	Penjelasan
Segi empat sama		Segi empat sama kurang menarik kerana setiap bahagian mempunyai ukuran yang sama
Potret tinggi		Potret tinggi mempunyai perkadaran yang sangat lemah kerana mempunyai ketinggian yang tidak bersesuaian dengan lebarnya



Rajah 1. *Regular Oblong* menunjukkan nisbah kelebaran dibahagikan kepada dua bahagian manakala ketinggian pula dibahagikan kepada tiga bahagian (Sumber: Silver, 1981)

1.2 Peletakan teks pada ruang poster kesedaran

Seandainya ingin meletakkan satu perkataan atau satu baris ayat sahaja, tidak seharusnya meletakkan perkataan tersebut tepat pada bahagian tengah. Rajah 2 menunjukkan beberapa contoh peletakan teks yang kurang sesuai.




Rajah 2. Kaedah yang tidak tepat dalam meletakkan teks pada ruang paparan.

Ilustrasi pertama dari kiri menunjukkan teks diletak pada bahagian tengah, teks pada ilustrasi kedua dari kiri pula tidak seharusnya diletakkan terlalu tinggi pada ruang, saiz teks yang terlalu besar pada gambar ketiga senang dibaca namun kedudukannya kurang sesuai manakala saiz teks yang terlalu kecil pada ilustrasi paling kanan menyebabkannya kurang menonjol.

Oleh itu, untuk mendapatkan peletakan teks yang tepat, ruang perlu dibahagikan kepada dua bahagian dan teks diletakkan pada bahagian atas garisan *Golden Proportion* seperti Rajah 3. Teks yang diletakkan pada garisan *Golden* menyebabkan separuh huruf berada di bahagian atas dan separuh lagi berada di bahagian bawah. Jika fokus utama poster kesedaran adalah emoji, maka imej emoji akan menggantikan teks yang seharusnya berada pada garisan *Golden proportion* (garis ketiga) bagi reka bentuk poster kesedaran yang dihasilkan.

Kaedah *Golden Oblong* sering kali digunakan bagi membolehkan perenggan ayat kelihatan lebih seimbang dan terletak lebih cantik pada ruang paparan. Nisbah perkadaran terbaik pada oblong adalah tiga-lima iaitu nisbah tiga bagi lebar dan lima bagi tinggi. Rajah 3 menunjukkan perkadaran saiz mengikut kaedah *Regular Oblong* bagi mendapatkan paparan reka bentuk.



Rajah 3. Peletakan teks yang tepat dengan menggunakan garisan *Golden proportion* (Sumber: Silver, 1981)

2. KAJIAN LITERATUR

2.1 Susun Atur Tipografi dan Pembahagian Margin

Sekiranya perlu meletakkan semua maklumat berkaitan dalam hanya satu perenggan sahaja, adalah lebih baik sekiranya hanya satu fon sahaja yang digunakan. Jika menggunakan dua atau tiga jenis fon, ia dikhuatiri akan mengalih perhatian pembaca terhadap mesej yang ingin disampaikan. Rajah 4 menunjukkan beberapa contoh gabungan teks yang kurang sesuai dan paling sesuai pada paparan susun atur poster.




Rajah 4. Contoh ketebalan dan saiz teks yang berbeza
(Sumber: Silver, 1981)

Ilustrasi pertama dari kiri menunjukkan gabungan ketebalan teks yang tidak sesuai, seharusnya perkataan 'HONDA' perlu lebih menonjol dan tebal. Ilustrasi kedua dari kiri pula menunjukkan pemilihan saiz yang tidak sesuai bagi keseluruhan kumpulan teks kerana terlalu kecil, manakala ilustrasi ketiga menunjukkan perbezaan saiz teks yang terlalu ketara, seharusnya perkataan 'HONDA' hanya perlu dibesarkan sekali ganda sahaja berbanding saiz teks yang lain. Manakala ilustrasi paling kanan menunjukkan contoh penggunaan ketebalan dan pemilihan saiz yang paling sesuai dan ideal Silver (1981).


Bagi mendapatkan reka bentuk yang seimbang, penetapan ruang margin perlu diambil kira semasa menghasilkan susun atur poster pada peringkat awal. Jika ruang paparan mempunyai banyak elemen dan teks bersaiz kecil, maka ruang margin yang diperlukan haruslah kecil. Manakala jika ruang paparan mempunyai teks bersaiz besar, paparan poster memerlukan ruang margin yang lebih luas dan susunan ini dinamakan sebagai *open page*.

Sebagai panduan, pembahagian margin yang mempunyai saiz yang sama bagi keempat-empat bahagian sangat tidak sesuai. Oleh itu, untuk mendapatkan ciri-ciri susunan yang seimbang dan selesa, keluasan margin kiri serta kanan haruslah sama. Manakala keluasan margin atas pula mestilah lebih besar berbanding keluasan margin kiri dan kanan, dan yang terakhir keluasan margin bawah mestilah paling besar berbanding keluasan ketiga-tiga margin lain (Silver, 1981). Rajah 5 menunjukkan contoh-contoh pembahagian margin yang seimbang dan tidak seimbang.




Rajah 5. Contoh keluasan margin kurang seimbang (kiri) dan keluasan margin seimbang (kanan.).
(Sumber: Silver, 1981)

Sekiranya ingin mendapatkan pengiraan saiz sempadan antara teks pula, margin boleh dibahagikan kepada lapan bahagian dan kedudukan sempadan berada pada bahagian sisi ketiga. Ruang antara sempadan dan sisi ialah seluas lima bahagian, manakala ruang antara sempadan dengan teks ialah sebanyak tiga bahagian. Contoh pengiraan kelebaran margin dan sempadan dengan teks seperti Rajah 6.



Rajah 6. Panduan pengiraan margin dan sempadan yang seimbang
Sumber: Silver (1981)

Peletakan teks serta bahan bacaan utama adalah mengikut nisbah pembahagian 5:3 seperti Rajah 6 dan kedudukannya seharusnya berada selepas imej emoji. Setelah itu, lakaran susun atur poster boleh mula dihasilkan, berikut ialah susun atur yang boleh dijadikan sebagai rujukan pada peringkat seterusnya.




Rajah 7. Contoh lakaran susun atur
(Sumber: Silver, 1981)


2.2 Arah Pergerakan Mata pada Susun Atur Poster

Setiap aspek reka bentuk dan susun atur poster memberi kesan kepada pandangan mata pembaca. Oleh itu, peletakan dan susun atur item perlu memberi keselesaan kepada sudut pandangan mata pembaca sepanjang proses pembacaan. Lazimnya, pembaca sentiasa memulakan pembacaan pada bahagian penjuru kiri atas pada muka surat atau buku. Bermula daripada bahagian ini, arah pandangan mata pembaca akan mula mencari titik fokus. Jika terdapat sesuatu yang menarik perhatian, pandangan mata akan cenderung untuk bergerak ke bahagian kanan yang lebih rendah.

Oleh itu, titik fokus terbaik berada pada bahagian yang lebih tinggi sedikit daripada bahagian tengah ruang *Golden proportion*. Bahagian bawah titik fokus pula merupakan bahagian yang kurang mendapat perhatian pembaca dan ia juga disebut sebagai '*field*'. Rajah 8 sehingga Rajah 10 menunjukkan pergerakan lazim pandangan mata pembaca.



Rajah 8. Anak panah menunjukkan pergerakan mata yang lazim
(Sumber: Silver, 1981; Ambrose & Harris, 2012)



Rajah 9. Anak panah menunjukkan salah satu kaedah pergerakan mata pembaca (Sumber: Silver, 1981; Ambrose & Harris, 2012; Graham, 2002)



Rajah 10. Anak panah menunjukkan arah pergerakan mata dan juga kedudukan teks (bahagian berwarna jingga). (Sumber: Ambrose & Harris, 2012)

2.3 Susun Atur Tipografi dengan Gabungan Gambar

Gabungan antara elemen imej dan teks menjadikan reka bentuk poster kelihatan lebih menarik. Imej dalam poster bertindak sebagai komunikasi segera yang menggambarkan idea, arahan, maklumat yang jelas serta perasaan yang mudah difahami dengan lebih cepat (Ambrose & Harris, 2003). Imej atau gambar biasanya diletakkan pada ruang reka bentuk dan saiznya diubah semula mengikut kesesuaian ruangan tertentu (Ambrose & Harris, 2012). Antara fungsi lain imej ialah merumuskan, menyokong hujah serta memberi ruang rehat bagi teks yang banyak.


Setelah berjaya menarik minat pembaca dengan imej, teks kemudiannya mengambil alih peranan mengekalkan perhatian pembaca. Rajah 11 menunjukkan beberapa contoh susun atur poster yang menggabungkan imej dan teks dengan susunan yang berbeza. Namun, jika diperhatikan kesemua tajuk utama diletakkan berhampiran dengan imej atau ilustrasi. Ini kerana, setelah pembaca melihat gambar, fokus mereka akan terus teralih kepada tajuk utama dan kemudiannya membaca teks maklumat pada poster.



Rajah 11. Contoh-contoh susun atur untuk gabungan teks dan ilustrasi
(Sumber: Silver, 1981)

2.4 Penggunaan Kontras dan Keseimbangan pada Poster

Selain daripada gabungan imej dan teks, aspek kontras dalam gabungan fon turut memberi kesan kepada reka bentuk. Penggunaan karakter fon yang berbeza dapat membuatkan bahagian tertentu lebih menonjol sehingga menarik perhatian pembaca untuk membacanya terlebih dahulu, kemudian barulah diikuti dengan karakter fon biasa. Malah, kontras ini merangkumi penggunaan saiz teks yang berbeza, *italic* dan juga *bold*. Rajah 12 kiri menunjukkan penggunaan fon yang sama pada keseluruhan teks manakala Rajah 12 kanan menunjukkan penggunaan karakter fon yang berbeza bagi perkataan '*Latest*' sehingga ia kelihatan menonjol berbanding teks yang lain.




Rajah 12. Gabungan karakter fon yang sama (kiri) dan gabungan karakter fon yang berbeza (kanan).
(Sumber: Silver, 1981)

Oleh itu, bagi memastikan teks tertentu kelihatan lebih menonjol berbanding yang lain pada reka bentuk poster, prinsip kontras pada fon harus digunakan agar ia kelihatan lebih dominan. Selain kontras, keseimbangan yang baik dalam reka bentuk juga dapat memberikan keselesaan kepada mata pembaca. Terdapat dua jenis keseimbangan iaitu keseimbangan formal dan keseimbangan tidak formal. Dalam keseimbangan formal, semua elemen diletakkan pada bahagian tengah, yang mana sebahagian elemen berada di sebelah kanan dan sebahagian lagi berada di sebelah kiri.

Kelebihan keseimbangan formal ialah memberi gambaran yang tersusun, tenang, bagus, stabil dan kukuh. Manakala, susun atur elemen yang tidak berada di bahagian tengah ruang paparan pula dikenali sebagai keseimbangan tidak formal. Keseimbangan ini lebih sesuai dengan reka bentuk yang dinamik.

Gambar 15 kiri dan tengah menunjukkan contoh susun atur tidak seimbang, ini kerana penggunaan *white space* yang banyak menyebabkan kedua-duanya kelihatan sedikit pelik.



Rajah 13. Contoh-contoh reka bentuk poster yang tidak seimbang dan seimbang (Sumber: Graham, 2002)

White space merupakan ruang pada paparan yang tidak mengandungi teks, garis atau gambar (Ambrose & Harris, 2012; Graham, 2002). Ia juga boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada elemen reka bentuk seperti mana tipografi, imej, hierarki dan struktur (Ambrose & Harris, 2012). Oleh itu, bagi menjadikan susun atur reka bentuk poster kelihatan seimbang dan kemas, garis corak diletakkan pada *white space* seperti Rajah 13 kanan.


3. METODOLOGI

Apabila sesuatu instrumen baharu dibangunkan, penilaian pertama yang perlu dijalankan ialah kesahan kandungan (Sabitha, 2006; Ebel, 1967). Indikator yang dibina perlulah sesuai, baik, tepat dan mempunyai kualiti yang tinggi (Creswell 2012; Noraini 2010; Polit, Beck & Owen, 2007). Oleh itu, item-item di dalam alat yang ingin digunakan sebagai indikator perlulah disahkan (Miller, Lovler, & McIntire, 2013). Kesahan kandungan (*content validity*) adalah merupakan proses penilaian dan pemerhatian pada keseluruhan item yang terdapat pada indikator (Mahmud, 2008). Secara asasnya, kesahan kandungan boleh diperolehi melalui tiga kaedah iaitu tinjauan literatur, wakil populasi yang relevan dan pakar rujuk (Burn & Grove, 1993). Pakar rujuk yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan mempunyai kemampuan untuk menilai kandungan indikator dan memutuskan sama ada kandungannya mencukupi bagi mewakili indikator (Johnson & Christensen, 2012; Rubio et al., 2003). Golongan profesional atau pakar rujuk juga perlu memastikan reka bentuk yang dihasilkan mengikut spesifikasi yang tepat (Nunnally, 1978). Ini kerana kesahan kandungan adalah bersifat subjektif, namun masih boleh disandarkan kepada penilaian pakar rujuk (Yaghmaie, 2003; Ghiselli, 1964). Oleh itu, bagi mendapatkan susun atur reka bentuk poster yang terbaik bagi kajian dan mengukuhkan kesahan kandungan, sekumpulan pakar rujuk dilantik bagi menilai dan memberikan perakuan serta persetujuan terhadap item yang terdapat dalam indikator yang dinilai (Creswell, 2012; Sabitha, 2006).


Kajian ini memilih tinjauan literatur dan temu bual bersama pakar rujuk bagi mengenalpasti fitur-fitur reka bentuk dan susun atur yang sesuai bagi poster kesedaran dengan gabungan emoji. Semua maklumat yang berkaitan dengan fitur reka bentuk yang terdapat pada susun atur poster dikumpulkan. Hasil panduan dari pelbagai sumber dan juga kajian terdahulu kemudiannya dianalisis dan dibuat perbandingan serta digabungkan. Setelah itu, lakaran idea awal mula dibangunkan dan dipilih serta disemak oleh pakar rujuk. Berpandukan kepada pandangan dari pakar rujuk juga, lakaran di peringkat seterusnya dibangunkan dengan mengaplikasikan fitur-fitur yang berkenaan.

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Rajah 14 merupakan hasil cadangan fitur reka bentuk dan susun atur poster kesedaran. Setiap aspek elemen dan prinsip asas reka bentuk yang telah dibincangkan telah diterjemahkan dalam bentuk lakaran. Jika dilihat, emoji disarankan untuk diletakkan pada garisan *Golden proportion* iaitu berada pada garis ketiga dan kedudukannya adalah selepas tajuk utama poster. Pada Rajah 14 terdapat sedikit penerangan ringkas mengenai pengiraan pembahagian margin bagi setiap bahagian. Berdasarkan kepada arah pergerakan anak panah, imej emoji yang berada pada garis *Golden proportion* telah berjaya menjadi fokus utama apabila pembaca melihat poster ini. Rajah 15 menunjukkan arah pergerakan anak panah ini.



Rajah 14. Lakaran *rough sketches* poster kesedaran keselamatan
Sumber: Noorlida & Ahmad Zamzuri (2021)



Rajah 15. Pergerakan mata pembaca terhadap susun atur poster
Sumber: Noorlida & Ahmad Zamzuri (2021)

5. KESIMPULAN

Untuk membangunkan fitur reka bentuk dan susun atur sesebuah poster kesedaran dengan kombinasi emoji dengan baik, beberapa aspek asas perlu dikenalpasti agar hasil rekaan poster kesedaran lebih mudah dibaca, lebih menarik dan dapat mengekalkan minat pembaca untuk terus membaca keseluruhan mesej poster. Kajian ini masih tidak menyeluruh di mana masih terdapat beberapa aspek lain yang tidak disentuh dengan lebih teliti, namun secara asasnya garis panduan yang di telah dikenalpasti dalam kajian ini bakal membantu pereka untuk membangunkan poster kesedaran dengan kombinasi emoji atau imej dengan lebih baik.

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada pakar rujuk yang merupakan Pensyarah Kanan dari UiTM Kampus Seri Iskandar Perak serta pensyarah Kanan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah memberi kerjasama dalam memberi cadangan serta menyemak panduan menghasilkan fitur reka bentuk susun atur poster kesedaran dengan gabungan emoji.

PEMBIAYAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana organisasi dan ia merupakan kajian yang dibiayai sepenuhnya oleh pengkaji.

SUMBANGAN PENULIS

Noorlida Daud merupakan penulis utama yang bertanggungjawab dalam tugas mengumpul dan menganalisis data, manakala Ahmad Zamzuri Mohamad Ali bertanggungjawab dalam mendapatkan bahan-bahan untuk kajian literatur serta menentukan metodologi kajian.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang potensi konflik kepentingan bagi kajian yang dijalankan terhadap mana-mana individu, organisasi dan juga pengkaji.

RUJUKAN

- Ambrose, G., & Harris, P. (2003). *The fundamentals of creative design* (1st ed.). Lausanne 6, Switzerland: AVA Publishing SA.
- Ambrose, G., & Harris, P. (2012). *Basics designs 07 grids* (2nd ed.). Lausanne 6, Switzerland: AVA Publishing SA.
- Burns, N., & Grove, S. K. (1993). *The practice of nursing research conduct, critique, and utilization* (2nd ed.). Philadelphia, Pennsylvania: WB Saunders Company.
- Churches, O., Nicholls, M., Kohler, M., Thiessen, M., & Keage, H. (2014). Emoticons in mind: An event-related potential study. *Social Neuroscience*, 9(2), 196-202. doi: 10.1080/17470919.2013.873737
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Boston, USA: Pearson
- Ebel, R. L. (1967). Evaluating content validity. In D. Payne & R. McMorris (Eds.), *Educational and psychological measurement: Contributions to theory and practice* (pp. 85-94). Waltham, Massachusetts: Blaisdell Publishing Company
- Ghiselli, E. E. (1964). *Theory of psychological measurement*. New York, NY: McGraw-Hill Book Company.

- Golden, L. (2015). *Emoji History: The background, history, and future of the symbols that have taken over conversation all over the world*. Retrieved from <https://storify.com/lindsaygolden/emojis-history>
- Graham, L. (2002). *Basic of design layout and typography for beginners*. Albany, NY: Thomson Delmar Learning.
- Johnson, B., & Christensen, L. (2012). *Educational research quantitative, qualitative, and mixed approaches* (4th ed.). Alabama, USA: SAGE Publications Inc.
- Lu, X., Ai, W., Liu, X., Li, Q., Wang, N., Huang, G., & Mei, Q. (2016, September). *Learning from the ubiquitous language: An empirical analysis of emoji usage of smartphone users*. Paper presented at the 2016 ACM International Joint Conference, Heidelberg, Germany. doi:10.1145/2971648.2971724
- Mahmud, Z. (2008). *Handbook of research methodology, a simplified version*. Shah Alam, Malaysia: Publication Centre (UPENA).
- Miller, L. A., Lovler, R. L., & McIntire, S. A. (2013). *Foundations of psychological testing: A practical approach* (4th ed.). California, USA: SAGE Publications Inc.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory*. New York, NY: McGraw Hill Company.
- Polit, D. F., Beck, T. B., & Owen, S. V. (2007). Focus on research method, is the CVI an acceptable indicator of content validity? Appraisal and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 30(1), 459-467. <https://doi.org/10.1002/nur.20199>
- Rubio, D. M., Berg-Weger, M., Tebb, S. S., Lee, E. S., & Rauch, S. (2003). Objectifying content validity: Conducting a content validity study in social work research. *Social Work Research*, 27(2), 94–104. <https://doi.org/10.1093/swr/27.2.94>
- Sabitha M. (2006). *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik*. Batu Caves, Malaysia: Edusystem Sdn. Bhd.
- Silver, G. A. (1981). *Graphic layout and design*. Canada: Delmar Publisher Inc. Yaghmaie, F. (2003). Content validity and its estimation. *Journal of Medical Education*, 3(1), 25–27. Retrieved from [http://www.journals.sbmu.ac.ir/index.php/jme/article/view File/870/770](http://www.journals.sbmu.ac.ir/index.php/jme/article/view/File/870/770)

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Setuju.

27.1.2023

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar